

Prism Courage
kapal pertama
lakukan
perjalanan
lebih 10,000km
guna sistem AI

#m 15/6/2022

M 24 Agensi

Mexico City

Sebuah kapal tangki komersial seberat 134,000 tan diberi nama Prism Courage, belayar dari Teluk Mexico ke Korea Selatan, dengan dikawal kebanyakan masa oleh sistem kecerdasan buatan (AI) yang dipanggil HiNAS 2.0.

Oddity Central melaporkan, Avikus iaitu anak syarikat gergasi teknologi Korea Selatan, Hyundai, baru-baru ini mengumumkan Prism Courage iaitu kapal tangki yang direka untuk mengangkut gas asli menjadi kapal besar pertama yang melakukan perjalanan lebih 10,000 kilometer itu dengan sistem berkenaan.

Kunci kepada pencapaian yang luar biasa itu ialah HiNAS 2.0, sistem berkuasa AI yang mampu menganalisis pelbagai jenis bacaan sensor dalam masa nyata dan ber-



KAPAL tangki komersial seberat 134,000 tan.

tindak balas terhadapnya dengan pantas dan cekap.

Paling penting, sistem itu mengikut peraturan undang-undang maritim.

Sama seperti kapal terbang, kapal laut dengan sistem berkenaan mempunyai mod pandu auto yang sangat maju dan mampu memastikan ia berada dalam lautan yang stabil.

Ia juga dapat bertindak balas kepada lauan dan sistem pengesan global (GPS), malah mengemudi kapal ke pelabuhan sekiranya kru tidak lagi berada di atas kapal, atau tidak mampu melakukannya.

DIKAWAL HiNAS 2.0

Bagaimanapun, belayar secara autonomi untuk berpuluhan-puluhan ribu kilometer melalui Lautan Atlantik adalah jauh lebih kompleks daripada sistem mod pandu auto pesawat.

Selain daripada mengemudi kapal tangki dalam masa nyata, sistem HiNAS 2.0 Avikus mampu memilih lauan optimum dan kelajuan terbaik untuk sampai ke destinasi, di samping menganalisis data yang dikumpul.

Ia boleh mengambil kira faktor cuaca dan ketinggian ombak serta memastikan kapal dengan sistem ber-

kenaan tidak berada terlalu dekat dengan kapal lain untuk mengelak perlanggaran.

Prism Courage meninggalkan Freeport, Texas, pada 1 Mei lalu dan melalui Terusan Panama ke Lautan Pasifik.

Ia kemudian belayar selama 33 hari sebelum tiba di Terminal LNG Boryeong di Korea Selatan.

Bahagian akhir pelayaran dikendalikan oleh sistem berkuasa AI HiNAS 2.0 dan prestasinya dipantau dan dinilai oleh pihak berkuasa pelayaran Amerika Syarikat dan Korea Selatan.